



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**31 Oktober 2023
16 Rabiulakhir 1445H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	• •
Harian Metro	• Cubaan seludup kuda laut bernilai RM180,000 gagal
Kosmo !	•
Sinar Harian	• Cubaan seludup kuda laut ke Thailand gagal
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernamea	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL	7	31-10-2023

Cubaan seludup kuda laut bernilai RM180,000 gagal

Bukit Kayu Hitam: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas 90 kilogram (kg) kuda laut bernilai RM180,000 tanpa dokumen sah yang cuba dibawa ke negara jiran melalui laluan penumpang, di sini, Rabu lalu.

Operasi kira-kira jam 4 petang dilakukan dengan kerjasama Jabatan Perikanan Kedah dan Kastam Diraja Malaysia (KDRM). Pengarah Maqis Kedah,

Hisham Abu Bakar berkata, pihaknya merampas sebanyak 90 kg kuda laut dianggarkan bernilai RM180,000 tanpa sebarang dokumen sah iaitu tanpa permit eksport daripada Maqis.

Menurutnya, kes disiasat mengikut Seksyen 11(2) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 11(3) akta yang sama.



MAQIS Negeri Kedah merampas 90kg kuda laut bernilai RM180,000 cuba dibawa ke Thailand tanpa dokumen sah melalui laluan penumpang di Bukit Kayu Hitam.

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL	24	31.10.2023

Cubaan seludup kuda laut ke Thailand gagal



Kuda laut yang cuba dibawa keluar ke Thailand tanpa dokumen yang sah pada Rabu lalu.

SH MS24
KUBANG PASU - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Negeri Kedah dengan kerjasama Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Perikanan Negeri Kedah dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia di laluan penumpang (eksport) telah menggagalkan cubaan membawa keluar kuda laut ke negara Thailand tanpa dokumen yang sah pada Rabu lalu.

Pengarah Maqis Negeri Kedah, Hisham Abu Bakar berkata, hasil pemeriksaan pada jam 4 petang itu berjaya menemui 90 kilogram (kg) kuda laut yang dianggarkan bernilai sebanyak RM180,000.

Katanya, pemeriksaan lanjut

mendapati mereka tidak mempunyai sebarang dokumen yang sah, iaitu permit eksport daripada Maqis.

"Kes di siasat di bawah Seksyen 11(2), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 11(3) akta yang sama.

"Tindakan penguatkuasaan undang-undang melalui operasi bersama agensi akan terus diperkasakan bagi memastikan tumbuhan, karkas, ikan dan hasil pertanian bebas daripada ancaman perosak dan penyakit berjangkit serta mematuhi syarat dan peraturan yang telah ditetapkan," katanya.